



Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Kuching, 22 Ogos 2022

MAGGI® Kumpul Lebih RM40,000 untuk Rumah Amal di Sabah dan Sarawak

MAGGI® baru-baru ini menutup tirai kempen “Jom Masak & Berkongsi Bersama” MAGGI® yang dianjurkan sempena perayaan Tadau Kaamatan dan Hari Gawai di Sabah dan Sarawak. Melalui kempen ini, sejumlah RM42,437 dana bantuan berjaya dikumpulkan untuk masyarakat yang kurang bernasib baik.

Dana yang terkumpul akan disalurkan kepada tiga buah rumah kebajikan iaitu Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia di Sabah; serta Hope Place dan Persatuan Orang Berkeperluan Khas Kuching di Sarawak. Ketiga-tiga organisasi ini akan menerima penambahbaikan kepada kemudahan kediaman sedia ada mereka serta sumbangan termasuk perabot, makanan dan bekalan rumah yang akan diagihkan kepada ahli dan komuniti yang memerlukan, termasuk orang kurang upaya intelek dan rumah kebajikan.

Berucap pada majlis penutupan kempen "Jom Masak & Berkongsi Bersama" MAGGI® yang diadakan di 1Borneo Hypermall hari ini, **Puan Geetha Balakrishna, Pegawai Eksekutif Perniagaan MAGGI®, Nestlé (Malaysia) Berhad** berkata, “Kami amat berterima kasih dan terharu dengan kemesraan dan sokongan yang kami terima daripada masyarakat di Malaysia Timur selama ini. Kami berasa amat bertuah kerana dapat meraikan perayaan Tadau Kaamatan dan Hari Gawai bersama-sama dengan komuniti di sini, sambil menghulurkan bantuan kepada golongan yang terabai melalui kempen “Jom Masak & Berkongsi Bersama” MAGGI® ini.

“Sambutan terhadap kempen “Jom Masak & Berkongsi Bersama” MAGGI® adalah sungguh mengagumkan. Kami telah menerima lebih daripada 400,000 penyertaan peraduan! Dengan kerjasama bersama tiga rumah amal ini, kami berpeluang menyalurkan dana yang terkumpul kepada komuniti yang memerlukan sebagai sebahagian daripada usaha Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kami yang mencerminkan harapan, kemanusiaan dan semangat Pesta Menuai,” kata Geetha.

Datuk Asnan Yunus Chung, Pengerusi Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia di Sabah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas sumbangan yang diterima melalui kempen MAGGI® ini. “Dana itu akan digunakan untuk menambah baik keadaan kenderaan pengangkutan kami bagi memastikan pengagihan makanan dan bekalan kritikal lain dapat dilaksanakan dengan lebih cekap kepada masyarakat yang berkeperluan, terutamanya di kawasan luar bandar,” kata Datuk Asnan.

“Kami sentiasa berpegang pada ungkapan ‘Masyarakat yang penyayang mampu membimbing seorang anak istimewa’. Sumbangan yang kami terima daripada MAGGI® akan digunakan untuk menaik taraf pusat operasi kami, yang memberi manfaat secara langsung kepada individu kurang upaya pembelajaran,” kata **Encik Joseph K L Chuo, Presiden Persatuan Orang Berkeperluan Khas Kuching (SNSK)**.

Kempen "Jom Masak & Berkongsi Bersama" MAGGI® berlangsung mulai 1 Mei hingga 30 Jun 2022, di mana MAGGI® menyumbang RM0.10 bagi setiap penyertaan peraduan yang diterima.

Pemenang hadiah utama **Puan Rabiyahton Binti Diwa**, 40 tahun, dari Sabah dan **Encik Mohamad Shamsuddin Bin Sanusi**, 57 tahun, dari Sarawak telah diisytiharkan sebagai pemenang hadiah utama dengan masing-masing membawa pulang sebuah Toyota Hilux Double Cab 2.4E baharu (AT) 4X. Manakala, 4 pemenang hadiah pertama dari dua negeri ini menerima wang tunai RM2,000 setiap seorang.

Tentang MAGGI®

MAGGI® adalah satu jenama global yang telah menjadi nama terkemuka di Malaysia. Misi terasnya adalah untuk mewujudkan detik-detik sajian enak yang merapatkan lagi hubungan kekeluargaan. Melalui rangkaian produk dan makanannya yang luas, MAGGI® membantu para ibu untuk menyediakan sajian yang enak dan seimbang bagi keluarga mereka setiap hari. Jenama ini juga komited dalam memenuhi segenap keperluan penyedia makanan, menyediakan produk dan idea baharu yang terus kekal menggembirakan dan memberi inspirasi kepada keluarga di Malaysia tentang kebaikan buatan sendiri di rumah. Untuk mengetahui lebih lanjut, sila lawati www.maggi.my atau laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/MaggiMalaysia>

Tentang Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Dengan ibu pejabat yang terletak di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 buah negara di seluruh dunia dan kesemua pekerja kami seramai lebih 270,000 orang komited dalam membantu mencapai tujuan Nestlé untuk merungkai kuasa makanan demi meningkatkan kualiti kehidupan bagi semua, pada hari ini dan untuk generasi akan datang. Matlamat kami didorong oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak tahun 1912, Nestlé dipercayai oleh para pengguna kami menerusi jenama-jenama dan produk kami yang berkualiti. Kami komited dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat di mana saja kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan integriti Halal. Ini selaras dengan janji kami dalam memberikan "GOOD FOOD, GOOD LIFE" kepada semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bagaimana kami telah membantu rakyat Malaysia menjalani kehidupan sihat selama lebih satu abad, sila layari www.nestle.com.my atau laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>.

For more information, please contact:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6456
Mobile: +60 12 235 6865
E-mail: Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com

Nurul Atiqah Mustapa

Perspective Strategies

Tel: +603 7491 3138
Mobile: +60 19 234 1115
E-mail: nurul.atiqah@perspective.com.my